

19 JUL 2001

Salleh-ADK

ADK SASAR 2,700 TENAGA MAHIR DI KALANGAN PELATIH PUSAT SERENTI

MELAKA, 19 Julai (Bernama) -- Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) meletakkan sasaran untuk menyediakan sekurang-kurangnya 2,700 tenaga mahir daripada kalangan pelatih pusat serenti untuk bekerja di sektor swasta terutamanya dalam bidang industri sehingga akhir tahun ini.

Ketua Pengarah ADK Datuk Salleh Mat Som berkata penghuni pusat serenti yang dilatih dengan pelbagai bidang seperti pembuatan perabot, tilam, kimpalan dan sebagainya dijangka mampu memenuhi keperluan tenaga kerja mahir yang diperlukan.

Beliau berkata ADK menetapkan supaya setiap pusat serenti dapat melatih sekurang-kurangnya 100 penghuninya yang mempunyai kemahiran mengikut keperluan sesebuah sektor.

"Kita ada program briged kerja di kalangan pelatih dan yakin sasaran itu dapat dicapai memandangkan sekarang pun sudah ada 2,000 penghuni di pusat serenti yang mempunyai kemahiran tertentu," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2000 ADK peringkat zon tengah, selatan, Sabah dan Sarawak di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Polis Melaka Datuk Abdul Malek Abdul Hamid.

Beliau berkata ada di antara pusat serenti itu mampu menyediakan lebih daripada 100 pelatih yang mempunyai kemahiran tertentu sebagai memenuhi keperluan dalam sektor swasta.

Ditanya mengenai sambutan swasta terhadap bekas pelatih pusat serenti, Salleh berkata sambutan swasta amat menggalakkan kerana yakin dengan hasil kerja yang dibuat oleh bekas pelatih yang bekerja di syarikat mereka.

"Malah ada syarikat yang mengambil pekerja daripada kalangan penghuni pusat serenti terkejut kerana pelatih berkenaan bukan sahaja berkemahiran tetapi juga berdisiplin," katanya.

Beliau berkata ADK sendiri mempunyai hubungan yang rapat dengan syarikat-syarikat di negara ini dan sentiasa mengadakan kerjasama untuk menyediakan penghuni pusat serenti untuk kemahiran tertentu bagi syarikat berkenaan.

"Mereka (swasta) datang ke pusat serenti dan bekerjasama untuk kemahiran yang diperlukan...dan adakalanya kita bawa (pelatih) ke luar, ke kilang-kilang untuk mendapat panduan. Hasil mereka dieksport dan inilah yang kita mahu melalui program rawatan dan pemulihan yang dijalankan," katanya.

-- BERNAMA

SBS AKD